

Gabungan bank tingkat daya saing

BH - 2 FEB 2000

Oleh Wan Hazmir Bakar dan Magendran Rajagopal

SEPANG, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sektor kewangan tempatan memberi maklum balas yang meyakinkan berhubung penggabungan bank bagi menstabilkan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata pengukuhan sistem kewangan tempatan penting bagi meningkatkan daya saing negara dalam era globalisasi dan perdagangan bebas.

“Bank asing juga melakukan penggabungan serentak dengan penggabungan bank tempatan dan agak sukar bagi bank kita bersaing pada tahap yang sama kerana institusi kewangan mereka lebih besar.

“Dalam hal ini, saya sendiri masih ragu sama ada kita boleh mencapai tahap yang sama dengan bank asing.

“Bagaimanapun, usaha ini (penggabungan bank) harus dilakukan bagi memastikan negara membangun dapat bersaing dengan negara maju apabila perdagangan bebas diamalkan dalam era globalisasi,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) hari ini selepas bercuti selama tiga minggu di Argentina dan kepulauan Caribbean, diikuti lawatan ke London dan Paris.

Kepulauan beliau dan

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri Kabinet, pegawai kanan kerajaan serta penyokong Barisan Nasional (BN).

Dalam lawatan sejak 12 Januari lalu, Dr Mahathir mengambil kesempatan mengadakan perjumpaan dengan Presiden baru Argentina, Fernando de La Rúa serta pemimpin St Lucia, St Vincent, Antigua dan Grenada di Kepulauan Caribbean.

Beliau kemudian melawat London sebelum meneruskan perjalanan ke Paris bagi menemui Presiden Perancis, Jacques Chirac.

Dr Mahathir berkata perbincangan bagi meningkatkan hubungan dua hala diadakan dengan semua pemimpin negara terbabit.

Pada sidang akhbar itu, Perdana Menteri juga menjelaskan mengapa beliau membatalkan rancangan untuk menghadiri Forum Ekonomi Dunia dan Mesyuarat Antara Budaya di Davos, Switzerland.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat kerana penganjur membatalkan program asal di mana beliau sepatutnya memberi ucapan.

“Mungkin kerana ramai pembesar lain datang, termasuk Clinton (Presiden Amerika, Bill Clinton), mereka menukar program itu men-

jadi satu panel yang turut dianggotai saya dan George Soros.

“Saya berpendapat sebagai ahli panel, saya hanya boleh menjawab soalan tanpa menyuarakan pendapat. Saya nampak tidak ada faedah, seolah-oleh mereka tidak ingin mendengar pendapat kita (negara membangun),” katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Jacques Chirac, Dr Mahathir berkata beberapa isu antarabangsa dibincangkan kerana kedua-dua negara mempunyai banyak persamaan dari segi dasar luar dan dalam negara.

Kata beliau, hubungan baik Malaysia dengan Perancis, yang juga anggota Kumpulan Negara Maju (G7), memberi peluang untuk negara mengenengahkan pandangan mengenai beberapa isu antarabangsa, khususnya bidang kewangan.

Dr Mahathir turut mengadakan perjumpaan dengan syarikat pengeluar kereta Perancis, Citroen, berhubung usahasama syarikat itu dengan pengeluar kereta nasional, Proton, yang mengalami beberapa masalah.

Katanya, kedua-dua pihak mempunyai pandangan berbeza mengenai projek usahasama itu dan beliau akan berjumpa dengan pengurusan Proton bagi menyampaikan pandangan Citroen.